Mohamed Hanapi bin Abd Manaf lwn Hasnan bin Nazi & satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN SIVIL NO 12–14 TAHUN 2000

HELILIAH H

18 MEI 2004

Ganti Rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Kehilangan pendapatan masa akan datang — Kehilangan keupayaan untuk mendapatkan pendapatan — Plaintif diterima bekerja semula selepas kemalangan — Sama ada fakta plaintif dapat bekerja semula selepas kemalangan dan perbelanjaan sendiri harus diambilkira — Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A(c)(ii)

Ganti Rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Kecederaan diri — Penjagaan oleh isteri — Sama ada isteri berhak menuntut ganti rugi bagi penjagaan

Ganti Rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Kecederaan diri — Sama ada Mahkamah Tinggi akan mengganggu penilaian atau taksiran yang dibuat mengikut aliran yang dikenali

Rayuan ini adalah terhadap soal kuantum yang telah diawardkan di dalam keputusan hakim Mahkamah Sesyen atas alasan antara lain, hakim Mahkamah Sesyen gagal/tersilap dari segi undang-undang dan fakta: (a) untuk mentafsirkan peruntukan yang terdapat di dalam s 28A(2)(c)(ii) Akta Undang-Undang Sivil 1956 berkenaan kehilangan pendapatan bagi responden pertama; (b) dengan mengawardkan kehilangan pendapatan pada kadar RM3,500 sebulan walaupun responden pertama dapat bekerja semula dan mendapat pendapatan yang berlebihan; (c) dengan tidak mengambil-kira perbelanjaan sendiri responden pertama sebelum membuat keputusan berkaitan dengan kehilangan pendapatan beliau; (d) dengan membenarkan kehilangan pendapatan bagi responden kedua (isteri responden pertama) kerana perlu menjaga responden pertama walaupun tiada keterangan untuk menyokongnya dan adalah tidak munasabah dan terlalu 'remote'; (e) dengan memberi jumlah-jumlah yang terlalu tinggi berkenaan dengan kecederaan seperti dinyatakan di dalam ganti rugi am responden pertama. Manakala, rayuan balas responden ialah mengenai tuntutan di atas kecederaan-kecederaan di kepala yang telah ditolak.

Diputuskan, rayuan perayu dan rayuan responden dibenarkan:

(1) Didapati apa yang menjadi isu ialah sama ada responden boleh menuntut 'loss of future earnings' dan 'loss of future earning capacity'. Pada keseluruhan dari segi fakta kes diputuskan bahawa tiada risiko bahawa responden tidak dapat memperoleh sebarang jawatan iaitu tiada 'real' or 'substantial risk' bahawa responden pertama kehilangan jawatan yang dijawat sebelumnya (lihat perenggan 24).

(2) Tiada keterangan kenapa peruntukan Akta Undang-Undang Sivil 1956 itu telah tidak dipakai (lihat perenggan 18). Kehilangan pendapatan berjumlah RM672,000 adalah digantikan dengan jumlah RM15,000 (bagi tempoh November 1987 hinggan Januari 1989, iaitu tarikh kemalangan hingga ke tarikh mula kerja) dan RM103,500 (bagi tempoh dari Februari 1989, iaitu tempoh baki berikutnya berjumlah 177 bulan) (lihat perenggan 26).

(3) Kenyataan mengenai kecederaan yang ditanggung oleh responden pertama terbukti dan hakim Mahkamah Sesyen menerima kenyataan SP4 bahawa beliau telah antara lain menolak tawaran satu jawatan dari Smith International di tangga gaji yang lebih dari RM700 yang diterima di jawatannya di Syarikat Sri Chukai. Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat ketetapan fakta untuk menerima kenyataan. Tiada hujahan yang lebih meyakinkan bahawa kenyataan itu tidak boleh dipercayai. Dengan itu jumlah RM16,800 yang diberi kepada responden kedua dikekalkan (lihat perenggan 27).

(4) Jika diteliti alasan penghakiman hakim Mahkamah Sesyen, beliau telah memberikan pertimbangan mengenai jumlah-jumlah dengan berpandukan kes-kes. Alasan yang diberi tidak menunjukkan bahawa penilaian atau taksiran itu terkeluar dari 'discernible trend'. Dengan itu mahkamah ini tidak membuat apa-apa gantian mengenai jumlah yang telah ditetapkan bagi ganti rugi am responden pertama berkenaan dengan kecederaan yang dialaminya (lihat perenggan 32).

(5) Mengenai kecederaan di kepala responden pertama (cerebral concussion) mahkamah ini menerima laporan pakar akan tetapi selepas keputusan itu diberi di peringkat rayuan didapati mahkamah ini mungkin terkhilaf dari segi 'quantum'. Didapati jika dinilai semula trend kes-kes menunjukkan jumlah yang diberi tidak wajar melambung ke RM850 dan dengan itu RM850 dikurangkan ke jumlah yang lebih munasabah iaitu RM60 (lihat perenggan 35).

[**English summary**

This appeal concerned the question of quantum awarded in the Sessions' Court judge's decision for reasons *inter alia*, that the Sessions' Court judge had erred in law and fact: (a) to interpret the provision provided in s 28A(2)(c)(ii) of the Civil Law Act 1956 with regards to loss of earning for the first respondent; (b) in awarding loss of earning at the rate of RM3,500 monthly even though the first respondent had obtained a job with a much higher salary; (c) for not considering the first respondent's own expenditure before making a decision on his loss of earnings; (d) for allowing loss of earnings for the second respondent (the first respondent's wife) for the care of the first respondent even though there was no evidence to support it and it was unreasonable and too remote; (e) for allowing an excessive amount for injury as stated in the first respondent's general damages. Hence, the respondent's counter appeal for claims on head injuries was dismissed.

Held, allowing the appellant's and respondent's appeals:

(1) The issue was whether the respondent could claim for loss of future earnings and loss of future earning capacity. Based on the whole facts of this case there was no risk that the respondent did not obtain any job as there was no real or substantial risk that the first respondent had lost his previous post he was employed as (see para 24).

(2) There was no evidence why the provision of the Civil Law Act 1956 was not applicable (see para 18). The loss of earnings which amounted to RM672,000 was substituted with the amount of RM15,000 (from November 1987 until January 1989 which was the date of accident to the date of resumed work) and RM 103,500 (from Februari 1989, which was the remaining duration of a total of 177 months) (see para 26).

(3) The statement regarding the injury suffered by the first respondent was proven and the Sessions' Court judge accepted the statement of SP4 that he had *inter alia* rejected a post from Smith International at a higher salary of RM700 from his recent post at Syarikat Sri Chukai. The Sessions' Court judge made a conclusive decision to accept that statement. No submission was more convincing that the statement could not be credible. Therefore the amount of RM16,800 granted to the second respondent was sustained (see para 27).

(4) After scrutinising the Sessions' Court judge's reasons for judgment, he gave considerations towards the amount based on cases. The reasons given did not show that the assessment had exceeded the discernible trend. Therefore the High Court did not make any substitution to the amount decided upon for the first respondent's general damages with regards to the injuries he suffered (see para 32).

(5) With regards to the first respondent's head injury (cerebral concussion), this court received expert report but after decision was made at the appellate stage it was found that this court might have erred in quantum. Based on the trend of cases, the amount was not reasonable as it was an excessive RM850 and therefore RM850 was reduced to a more reasonable sum, ie RM60 (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecederaan diri, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 468–830.

Untuk kes-kes mengenai kehilangan pendapatan masa akan datang, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 462.

Kes-kes yang dirujuk

Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair [1991] 2 MLJ 42 (refd)

Tan Cheong Poh & Anor v Teow Ah Keow [1995] 3 MLJ 89 (refd)

A *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 (refd)
Smith v Manchester Corporation [1974] 17 KIR 1(refd)
Moeliker v Reyrolle & Co Ltd [1977] 1 All ER 9 (refd)
Lai Chi Kay & Ors v Lee Kuo Shin [1981] 2 MLJ 167(refd)
Cunningham Harrison & Anor [1973] 3 All ER 463 (refd)
B *Hardwick v Hudson & Anor* [1999] 3 All ER 426 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A(2)(c)(ii),(iii), (d)

C

R Sarengapani (Vendargon & Partners) bagi pihak perayu/defendan.
Dato' Mahindar (Mahindar & Co) bagi pihak responden/plaintif.

Heliliah J:

D **[1]** Rayuan ini adalah terhadap soal kuantum yang telah diawardkan di dalam keputusan hakim mahkamah sesyen yang bertarikh 12 April 2000. Terdapat juga rayuan balas berbangkit dari rayuan tersebut. Bagi memudahkan rujukan bahagian penghakiman yang relevan dan juga dipertikaikan ialah berikut:

E GANTI RUGI AM

(1)	Kehilangan pendapatan untuk 16 tahun pada RM3,500 sebulan	RM672,000
(2)	Fracture neck of humerus	RM 15,000
(3)	Fracture shaft of humerus	RM 15,000
(4)	Fracture of calcaneum process of (R) ulna	RM 8,000
(5)	Fracture of neck of (L) talus chip fracture right talus dislocation of subtalur joint and residual effect	RM 70,000
(6)	Fracture of Third and Fourth metacarpal bones of left hand	RM 10,000
(7)	Multiple lacerations wound on forehead ( ) forearm and (L) lower leg	RM 15,000
(8)	Permanent scars on (R) eyebrow, (R) shoulder (R) arm and keloid, (R) elbow, ankle	RM 15,000
		RM820,000

F G H

DAN TUNTUTAN atas kos penjagaan di tolak

I DAN SETERUSNYA ADALAH DIHAKIMI bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif kedua wang sejumlah RM16,8000 sebagai ganti rugi khas untuk kehilangan pendapatan.

[2] Terdapat dua plaintif/responden dalam rayuan ini dan telah ditetapkan bahawa defendan 100% cuai dan bertanggungjawab atas kemalangan. Pada keseluruhan apa yang dipertikaikan dalam rayuan ini adalah award yang telah ditaksirkan di bawah tajuk ganti rugi am.

[3] Memorandum rayuan ('MR') menjelaskan dasar alasan yang berikut:

(1) Puan hakim yang bijaksana gagal dari segi undang-undang untuk mentafsirkan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Sivil Undang-Undang 1956 (iaitu s28A(2)(c)(ii)) berkenaan kehilangan pendapatan bagi plaintif pertama (responden pertama).

(2) Puan hakim yang bijaksana tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila mengawardkan kehilangan pendapatan pada kadar RM3,500 sebulan walaupun plaintif pertama (responden pertama) dapat bekerja semula dan mendapat pendapatan yang berlebihan.

(3) Puan hakim yang bijaksana gagal dari segi undang-undang dan fakta dengan tidak mengambil-kira perbelanjaan sendiri plaintif pertama (responden pertama) sebelum membuat keputusan berkaitan dengan kehilangan pendapatan beliau.

(4) Puan hakim yang bijaksana gagal dari segi undang-undang dan fakta dengan membenarkan kehilangan pendapatan bagi Plaintif kedua (responden kedua) walaupun tiada keterangan untuk menyokongnya dan adalah tidak munasabah dan terlalu 'remote'.

(5) Puan hakim yang bijaksana gagal dari segi undang-undang dan fakta dengan memberi jumlah-jumlah yang terlalu tinggi berkenaan dengan kecederaan seperti dinyatakan di dalam ganti rugi am plaintif pertama (responden pertama).

[4] Di samping itu perenggan 4 (MR) juga menyatakan:

> 4 Puan hakim yang bijaksana gagal dari segi undang-undang dan fakta dengan membenarkan kehilangan pendapatan bagi plaintif kedua (responden kedua) walaupun tiada keterangan untuk menyokongnya dan adalah tidak munasabah dan terlalu 'remote'.

[5] Dengan itu jumlah RM820,000 yang diawardkan sebagai ganti rugi am dipertikaikan dan jumlah RM16,800 yang diawardkan bagi responden/plaintif kedua (isteri plaintif pertama) juga menjadi isu rayuan balas responden/plaintif ialah mengenai tuntutan di atas kecederaan-kecederaan di kepala (yang telah ditolak). Selain daripada itu didapati hujahan peguam bagi pihak responden/plaintif hanya mengulangi isu tidak lain tidak bukan soal kekurangan amaun seolah-olah tidak ada isu lain yang penting.

[6] Alasan rayuan perayu/defendan yang utama ialah pemakaian Akta Undang-Undang Sivil 1956. Ada kemungkinan perkara ini menjadi terlepas pandang oleh kerana jika diteliti rekod rayuan ('RR') di muka 43 aspek ini hanya disentuh secara tersirat di mana ada disebutkan bahawa kehilangan pendapatan ialah bagi tempoh 16 tahun.

[7] Khususnya peguam bagi pihak perayu/defendan menghujahkan bahawa:

(1) Kemalangan berlaku pada 20 November 1987 (iaitu selepas pindaan kepada akta Sivil Undang-Undang 1956 pada tahun 1984) (post amendment of 1984 applies).

(2) Pada kemalangan responden pertama (plaintif pertama) berumur 27 tahun.

(3) Pada masa kemalangan responden pertama bekerja sebagai seorang 'Marketing Officer' dengan Arab Malaysian Finance Berhad (AMFB) Cawangan Kemaman dengan pendapatan sebanyak RM1,000 sehingga RM1,500 (walaupun tiada keterangan dokumen ditunjukkan).

(4) Selepas kemalangan, responden pertama telah kembali bekerja dengan AMFB pada bulan Januari 1989 dan pada 1 April 1994 ditukarkan ke Ibu Pejabat di Kuala Lumpur dan bekerja di situ sehingga tarikh memberi keterangan. Pada masa itu tahun 1997 gaji beliau adalah RM1,750 (ms 25 RR perenggan C–D dan ms 123 RR). Selanjutnya berkhidmat dengan Asia Unit Trusts Berhad sebagai jurujual atas komisyen.

[8] Fakta di atas melibatkan isu mengenai peruntukan s 28A(2)(c)(ii) dan (iii). Peruntukan-peruntukan tersebut ialah:

28A Damages in respect of personal injury

(1) …

(2) In assessing damages under this section:

(c) in awarding damages for loss of future earnings the Court shall take into account:

(i) ...;

(ii) Only the amount relating to his earnings as aforesaid at the time when he was injured and the Court shall not take into account any prospect of the earnings as aforesaid being increased at some time in the future;

(iii) Any diminution of any such amount as aforesaid by such sum as it proved or admitted to be the living expenses of the plaintiff at the time when he was injured;

(d) In assessing damages for loss of future earnings the Court shall take into account that:

(i) In the case of a person who was of the age of thirty years or below at the time when he was injured, the number of years' purchase shall be 16; and

(ii) ....

[9] Kenyataan responden/plaintif pertama menunjukkan dia telah bekerja di Arab-Malaysia Finance Bhd (AMFB) mulai Jun 1989 di Kemaman, Kuantan dan pada 1 April 1994 ditukarkan ke ibu pejabat sehingga Ogos 1997. Plaintif menghujahkan gajinya tidak dinaikkan selama lima tahun dan memperakui bahawa sebelum kemalangan gajinya adalah RM1,500. Hanya dalam satu tahun berakhir iaitu 1997 beliau telah dibayar RM1,750 dengan kenaikan gaji RM250.

Responden/plaintif pertama juga memperakui bahawa dia berhenti dari AMFB pada September 1997 dan menyatakan bahawa majikannya tidak suruh dia berhenti tetapi ia merasa malu bahawa sebagai seorang pegawai kanan pendapatannya masih kecil. Selepas berhenti bekerja daripada AMFB dia telah bekerja dengan Asia Unit Trust di mana gajinya adalah RM1,200 hingga RM1,500 dalam bentuk komisen.

[10] Berasaskan keterangan di atas peguam perayu/defendan menghujahkan berikut:

(2) Dengan merujuk kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam kes-kes tersebut adalah jelas bahawa hanya gaji pada tarikh kemalangan diambil kira dan bukannya gaji yang akan dibayar pada masa hadapan (Seksyen 28A(2)(c)(ii) CLA).

(3) Puan hakim mahkamah sesyen tersilap apabila mengambil kira jumlah RM3,500 sebulan sebagai kehilangan pendapatan seperti dinyatakan di dalam Alasan Penghakimannya (ms 61 RR perenggan D hingga E dan ms 64 RR perenggan C hingga D). (Juga m.s 39 RR item No 5).

(4) Puan hakim mahkamah sesyen juga tersilap dari segi undang-undang dengan tidak menumpukan perhatian dan interpretasi kepada s 28A(2) CLA yang terpakai kepada responden pertama jika alasan-alasan penghakimannya dirujuk (ms 61 hingga 65 RR).

(5) Oleh itu pendapatan responden pertama pada tarikh kemalangan boleh dikatakan adalah sebanyak RM1,500 (ms 25 RR perenggan C).

[11] Berikutan dengan itu prinsip yang terpakai ialah 'The plaintiff must be receiving earnings by his own labour or other gainful activity before he was injured'. Dalam kes *Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair* [1991] 2 MLJ 42 Abdul Hamid Omar LP (as he was then) menjelas antara lain:

> It is abundantly clear that the legislature, in its own wisdom, decided that an injured person ought not to get any damages in a claim either for loss of future earnings or loss of earning capacity unless before the accident (at the date of the accident) he was in fact receiving earnings. To hold otherwise would mean that the Court is creating law to provide of something which clearly the legislature has no intention to do. We feel that our legislature has enacted exhaustively and exclusively.

[12] Isu yang dipertikaikan ialah mengenai 'loss of future earnings'. Semasa kemalangan berlaku responden/plaintif pertama berumur 27 tahun (iaitu pada tahun 20 November 1987 dan dengan itu peguam menghujahkan bahawa mengikut peruntukan s 28A(2)(d) CLA 1956. 'Multiplier' yang mesti terpakai ialah 16 tahun.

[13] Sebelum pada tarikh kemalangan plaintif bergaji RM1,500 (RR para C ms 25) Selepas kemalangan berlaku responden/plaintif dikatakan memperoleh gaji RM1750. Beliau ditukarkan ke Ibu Pejabat pada 1 April 1994 sehingga ke tarikh perbicaraan. Kemudian beliau meletak jawatan dan semasa itu gajinya adalah RM1,750 sebulan. Mengikut kenyataan beliau sendiri pilih untuk meletakkan jawatan.

[14] Adalah nyata bahawa selepas kemalangan itu dan setelah pulih responden/ plaintif pertama telah diambil balik bekerja, apa yang dipertikaikan ialah cara 'earnings' itu dihitung (calculate). Seksyen 28A(2)(c) menyatakan:

> (c) in awarding damages for loss of future earnings the Court shall take into account:
>
> (i) ...;
>
> (ii) only the amount relating to his earnings as aforesaid at the time when he was injured and the Court shall not take into account any prospect of the earnings as aforesaid being increased at some time in the future.

[15] Prinsip kedua

> To determine the actual earnings the monthly salary allowances if any and the employer's contribution to EPF is to be taken into account. From the actual earnings, income tax payable and living expenses are to be deducted.

[16] Mengikut hujahan peguam perayu/defendan, responden/ plaintif pertama sendiri memperakui bahawa 'living expenses' beliau adalah RM1,000, iaitu mengikut pernyataan responden/plaintif pertama sendiri. Hanya satu tahun terakhir sebelum kemalangan responden/plaintif menyatakan beliau dibayar RM1750 oleh majikan AMFB. Hujahan ini didapati boleh diterima. Di sini 'living expenses' merupakan 'living expenses' yang telah diperakui sendiri (admitted).

[17] Dengan itu hujahan peguam perayu/defendan bahawa kehilangan 'future earnings' adalah berasaskan seperti berikut:

> 3 The first plaintiff informed the trial Court his living expenses were RM 1,000 per month (para C of p 26 record of appeal).
>
> Therefore the damages to be assessed are as follow (for 16 years x 12 = 192 months)
>
> (a) From November 1987 until January 1989 (date of accident to date of resume work)

Multiplicand	RM1,500
Less: 1/3 living expenses (as working)	RM 500
	RM1,000 x 15 mths = RM15,000

> (b) From February 1989 (balance years, ie 192 months) less 15 months = 177 months

Multiplicand	RM 1,500
Less: RM1,000 living = RM500 x 177 months (expenses as per plaintiff's evidence in court)	RM 88,500
Total	RM103,500

[18] Seperti dinyatakan di atas jelas tiada keterangan kenapa peruntukan Akta 1956 itu telah tidak dipakai. Di dalam hujahan bertulis peguam bagi pihak responden/plaintif menyatakan:

> The appellants say that this award is against s 28A(20(c)(ii) of the Civil Law Act.
>
> I submit that this section does not apply to the facts in our. The issue of 'any prospects of the earnings as aforesaid being increased at some time in the future is not an issue'.
>
> The issue was that as a result of his injury his earning capacity was reduced. The relevant pages of my submissions are missing from the appeal record. I produce and annexe hereto a photocopy of my submission in this respect, marked as A, B, and C.
>
> The loss of earning capacity has been pleaded at para 3 of p 7 of the rekod rayuan.
>
> There is no issue of prospects here in our case. There is loss of earnings, loss of earning capacity and loss of promotional prospects and losses of EPF. The evidence was to what degree and amount was the loss of earning capacity.

[19] Peguam responden/plaintif ada merujuk kepada kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teow Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89. Kes ini didapati tidak terpakai oleh kerana di ms 667 kes itu Mahkamah Rayuan dalam kes itu telah memutuskan CLA 1956 berkuat kuasa pada 1 Oktober 1984 iaitu selepas berlakunya kemalangan dan tindakan yang dimulakan. Dengan itu hujahan bahawa CLA 1956 tidak terpakai ditolak.

[20] Didapati fotokopi yang dikatakan terlampir tiada dilampirkan dan tiada hujahan substantif yang dikemukakan. Dengan itu Mahkamah Tinggi ini diperingkat rayuan mengambil kira peruntukan s 28A(2)(c)(ii) dengan khusus *'the court shall not take into account any prospect of the earnings as aforesaid being increased at some time in the future'* dan juga bahawa *'any diminution of any such amount as aforesaid by such sum as is proved or admitted to be the living expenses of the plaintiff at the time when he was injured;'*.

[21] Didapati di sini award RM672,000 yang disoalkan bukan berasaskan kepada soalan mahkamah tidak mempersetujui adanya 'loss of future earnings' tetapi soal apa yang harus diambil kira dalam 'loss of future earnings' di mana responden/plaintif ada membuat perbandingan dengan rakan-rakannya yang dikatakan telah dinaikkan pangkat. Beliau juga mengatakan dengan apa yang disebutkan sebagai *kemungkinan* sahaja bahawa sekiranya kemalangan tidak berlaku beliau akan memperoleh gaji yang lebih dan taraf beliau akan ditingkatkan lagi. Namun demikian setelah beliau pulih beliau telah diambil balik bekerja. Beliau sendiri yang berhenti kerana dikatakan berasa malu.

[22] Perbezaan di antara 'loss of future earnings' dan 'loss of earning capacity' adalah seperti dijelaskan di dalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 seperti berikut:

Future loss of earnings or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss *ie* loss that is capable of assessment at the date of trial. It must be proved by evidence and not by mere speculation. In the absence of such evidence if the court is satisfied that the plaintiff has suffered loss of earnings capacity, he will be awarded a sum as part of general damages for his disability suffered as a result of the injuries sustained instead of compensation for loss of future earnings. It arises where there is a residual risk that the plaintiff might be thrown out of work altogether at some future date. The risk must be real not speculative or fanciful.

[23] Dalam kes *Smith v Manchester Corporation* [1974] 17 KIR 1 Scarman LJ menjelaskan:

Loss of future earnings or future earning capacity is usually compounded of two elements. The first is when a victim of an accident finds that he or she can, as a result of the accident, no longer earn his or her pre-accident rate of earnings. In such a case there is an existing reduction in earning capacity which can be calculated as an annual sum. It is then perfectly possible to form a view as to the working life of the plaintiff and, taking the usual contingencies into account, to apply to that annual sum of loss of earnings, a figure which is considered to be the appropriate number of years' purchase in order to reach a capital figure.

The second element in this type of loss is the weakening of the plaintiff's competitive position in the open labour market: that is to say, should the plaintiff lose her current employment, what are her chances of obtaining comparable employment in the open labour market? The evidence here is plain — that, in the event (which one hopes will never materialize) of her losing her employment which Manchester Corporation she, with a stiff shoulder and a disabled right arm, is going to have to compete in the domestic labour market with women who are physically fully able. This represents a serious weakening of her competitive position in the one market into which she can go to obtain employment. It is for that reason that it is quite wrong to describe this weakness as a 'possible' loss of earning capacity: it is an existing loss: she is already weakened to that extent, though fortunately she is protected for the time being against suffering any financial damage because does not, at present, have to go into the labour market.

[24] Didapati apa yang menjadi isu ialah sama ada responden/plaintif boleh menuntut 'loss of future earnings' dan 'loss of future earning capacity'. Pada keseluruhan dari segi fakta kes di putuskan bahawa tiada risiko bahawa responden/ plaintif tidak dapat memperoleh sebarang jawatan iaitu tiada 'real' or 'substantial risk' bahawa responden/plaintif kehilangan jawatan yang dijawat sebelumnya. responden/plaintif ada mengemukakan saksi yang menyatakan beliau tidak secekap jika dibandingkan keadaannya sebelum dan selepas kemalangan yang menimpanya. Walau bagaimanapun beliau telah diambil semula bekerja dan majikannya telah memberinya jawatan setelah dirawat.

[25] Di sini kes yang diambil kira juga ialah *Moeliker v Reyrolle & Co Ltd* [1977] 1 All ER 9, 15–17 di mana Browne LJ mengatakan:

The consideration of this head of damages should be made in two stages. (1) Is there a 'substantial' or 'real' risk that a plaintiff will lose his present job at some time

before the estimated end of his working life? (2) If there is (but not otherwise), the Court must assess and quantify the present value of the risk of the financial damage which the plaintiff will suffer if that risk materialises, having regard to the degree of the risk, the time when it may materialise, and the factors, both favourable and unfavourable, which in a particular case will, or may, affect the plaintiff's chances of getting a job at all, or an equally well-paid job.

[26] Berasaskan kes-kes di atas dan tanpa apa-apa hujahan mengenai multiplicand dari peguam perayu award untuk kehilangan pendapatan di butiran (1) berjumlah RM672,000 adalah digantikan seperti berikut:

(a) From November 1987 until January 1989 (date of accident to date of resume work)

Multiplicand	RM1,500
Less: 1/3 living expenses (as working)	RM 500
	RM1,000 x 15 mths = RM15,000

(b) From February 1989 (balance years, ie 192 months) less 15 months = 177 months

Multiplicand	RM 1,500
Less: RM1,000 living = RM500 x 177 months (expenses as per plaintiff's evidence in court)	RM 88,500
Total	RM103,500

[27] Seterusnya butiran yang dipertikaikan ialah jumlah RM16,800 yang diaward kepada plaintif kedua. Pihak perayu/defendan menghujah award itu harus dibatal berlandaskan premis bahawa tiada keterangan diberi oleh doktor atau pakar perubatan bahawa responden pertama perlukan penjagaan yang mengakibatkan cuti tanpa gaji. Tetapi kenyataan mengenai kecederaan yang ditanggung oleh responden/plaintif terbukti dan hakim mahkamah sesyen menerima kenyataan SP4 bahawa beliau telah antara lain menolak tawaran satu jawatan dari Smith International di tangga gaji yang lebih dari RM700 yang diterima di jawatannya di Syarikat Sri Chukai. Hakim mahkamah sesyen telah membuat ketetapan fakta untuk menerima kenyataan. Tiada hujahan yang lebih meyakinkan bahawa kenyataan itu tidak boleh dipercayai dan yang telah diterima oleh hakim mahkamah sesyen. Kes *Lai Chi Kay & Ors v Lee Kuo Shin* [1981] 2 MLJ 167 tidak begitu sesuai untuk diterima di mana keputusannya ialah berdasarkan fakta dalam kes itu di mana perbelanjaan ibu *Lai Chi Kay* dituntut dan mahkamah di Singapura itu memutuskan:

Held:

(1) …;

(2) in the present case, interest was not allowed based on the principle that interest should not be allowed when damages are awarded in running-down cases;

(3) In the normal run of cases, a third party will have no direct remedy against the wrong-doer. In the present case there was no medical evidence that there was a need for the companionship of the mother for the rehabilitation of Lai. The claim for loss by the third and fourth plaintiffs was therefore not allowed:

[28] Kes di hadapan saya melibatkan seorang isteri yang menjaga suaminya selama dua tahun. Di sini yang lebih wajar diterima pakai ialah apa yang telah diperhatikan oleh Lord Denning MR di dalam *Cunningham Harrison & Anor* [1973] 3 All ER 463 CA:

> It seems to me that when a husband is grievously injured — and is entitled to damages — then it is only right and just that, if his wife renders service to him, instead of a nurse, he should recover compensation for the value of the services that his wife has rendered. It should not necessary to draw up a legal agreement for them. On recovering such an amount, the husband should hold it in trust for her and pay it over to her. She cannot herself sue the wrongdoer: see *Best v Samuel Fox & Co Ltd;* but she has rendered services necessitated by the wrongdoing, and should be compensated for it. If she had given up paid work to look after him, he should clearly have been entitled to recover on her behalf, because the family income would have dropped by so much: see *Watson v Port of London Authority per Megaw J.* Even though she had not been doing paid work but only domestic duties in the house, nevertheless all extra attendance on him certainly calls for compensation.

[29] Coleman LJ dalam kes *Hardwick v Hudson & Anor* [1999] 3 All ER 426, 434 juga menjelaskan pendekatan:

> In such cases the law extends the scope of compensation to the provision of gratuitous caring services no doubt, because, had those services been contractually provided by an outside nursing or other organization, the reasonable cost incurred would have been recoverable as damages, assuming the services to have been reasonably necessary for the physical well-being of the claimant, and because the services are likely to have been provided due to ties of relationship or friendship between the victim and the career in circumstances in which, because of the environment of love and affection, the entering into of a formal contract would not normally be contemplated. The consideration that personal physical care can often be most effectively and economically provided by a family member or close friend, is also a strong reason for encouraging the saving of losses by this means.
>
> It is, therefore, very appropriately the policy of the law to reflect these considerations by enabling a victim to recover damages by way of recompense for the voluntary care, provided always that they are held by the claimant on trust for that person.

[30] Dengan itu hujahan peguam perayu/defendan di tolak dan jumlah RM16,800 yang diberi dikekalkan. Hakim mahkamah sesyen telah menerima kenyataan isteri dan Mahkamah Tinggi tidak nampak apa-apa sebab untuk memutus sebaliknya.

[31] Isu yang ketiga merupakan soal sama ada apa yang telah di tetap oleh hakim mahkamah sesyen mengenai butir-butir lain adalah berketerlaluan. Isu ini

dipertimbang sekali dengan rayuan balas di mana hakim mahkamah sesyen tidak memberi apa-apa award berhubung dengan tuntutan kecederaan di kepala yang dikatakan ditanggung oleh responden/plaintif pertama.

[32] Jika diteliti alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen beliau telah memberi pertimbangan mengenai jumlah-jumlah dengan berpandukan kes-kes. Alasan yang diberi tidak menunjukkan bahawa penilaian atau taksiran itu terkeluar dari 'discernible trend'. Dengan itu Mahkamah Tinggi ini tidak membuat apa-apa gantian mengenai jumlah yang telah ditetapkan bagi butiran 1, 2, 3, 4 dan 6 di bawah tajuk 'Ganti Rugi Am (plaintif 1) [ms 39 RR].

[33] Berhubung dengan 'head injury' didapati peguam bagi pihak responden/plaintif merujuk kepada kenyataan SP1 Pakar Othopedik khususnya terhadap rumusan (conclusion). Di antara lain saksi ini ada menyatakan 'Despite his mental recovery he has a permanent speech defect which has impediment for normal conversation. This has led to mental depression impaired ability to find correct word in speech' Pandangan (opinion) SP1 di senaraikan di dalam dokumen-dokumen yang tidak dipersetujui. Bagi pihak perayu/defendan telah dihujahkan bahawa SP1 bukannya neurologist iaitu 'a specialist in neurology concerning the nervous system and its disease'. Dihujahkan bahawa pendapat SP1 hendaklah dipertimbangkan dengan berwaspada (caution). Dalam soal balas (RR ms 21) SP1 ada menyatakan 'I am a spinal injuries expert (central part of nervous system) in certain aspects'. Walau bagaimanapun dalam soal semula ia menyatakan 'I have given a clear observation. This has to be confirmed with various tests and that you have to refer to neurosurgeon'.

[34] Pihak perayu/defendan tidak pula mengemukakan saksi lain yang boleh menyangkal pandangan SP1. Walau bagaimana pun di akhir hujahan diperingkat rayuan di Mahkamah Tinggi peguam perayu/defendan akhirnya memperakui bahawa wajar diterima laporan awal (RR ms 115) di mana dikatakan adanya cerebral concussion dan menghujahkan hanya RM6,000 wajar diberi.

[35] Mahkamah Tinggi menerima laporan SP1 akan tetapi selepas keputusan itu diberi di peringkat rayuan didapati mahkamah ini mungkin terkhilaf dari segi 'quantum'. Didapati jika dinilai semula trend kes-kes menunjukkan jumlah yang diberi tidak wajar melambung ke RM85,000 dan dengan itu dengan rendah diri berpendapat wajar RM85,000 dikurangkan ke jumlah yang lebih munasabah iaitu RM6,000 sebagaimana dihujahkan oleh peguam perayu/defendan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh AG Kalidas